

Atur Cara

**Seminar Kefahaman Aqidah Dan Pemikiran Semasa 2019
(SEKAPES 2019)**

Atur Cara

Seminar Kefahaman Aqidah Dan Pemikiran Semasa 2019 (SEKAPES 2019)

Hari Pertama, Rabu, 14 Ogos 2019

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa Hadir
7.45 pagi : Kehadiran Peserta dan Jemputan
8.15 pagi – 9.30 pagi : **Sesi Pembentangan Selari I**
 : Rehat

Majlis Perasmian Seminar

- 10.00 pagi : Kehadiran Jemputan
10.15 pagi : Kehadiran Tetamu Kehormat
 Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
 Menteri Hal Ehwal Ugama
 Negara Brunei Darussalam

 : Bacaan Surah al-Fatihah
 : Bacaan Asmaul Husna
 : Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan
 : Bacaan al-Qur'an dan Intisari Ayat
 : Ucapan Alu-aluan oleh:
 Ustaz Haji Mohd. Azmi bin Haji Omar
 Pengerusi Bersama SEKAPES 2019
 : Ucapan Perasmian Seminar oleh Tetamu Kehormat
 : **Pembentangan Kertas Utama I**
 Yang Mulia Prof. Dr. Nasaruddin Umar
 Rektor Universitas PTIQ Jakarta
 Indonesia

- : Penyampaian Sijil & Cenderahati kepada Pembentang
- : Penyampaian Cenderahati kepada Tetamu Kehormat
- : Bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa
- : Bersurai

Sesi Petang

- | | |
|--------------------|---|
| 1.45 petang | : Pendaftaran Peserta |
| 2.15 – 4.00 petang | : Pembentangan Kertas Utama II & III
Yang Mulia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali |
| | Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan |
| | : Penyampaian Sijil & Cenderahati kepada Pembentang
: Bersurai |

Hari Kedua, Khamis, 15 Ogos 2019

Sesi Pagi

- | | |
|-----------------------|---|
| 7.30 pagi | : Ahli Jawatankuasa Hadir |
| 7.45 pagi | : Pendaftaran Peserta |
| 8.15 pagi – 9.30 pagi | : Sesi Pembentangan Selari II
: Rehat |

Majlis Penutupan Rasmi Seminar

- 10.00 pagi : Kehadiran Jemputan
- 10.15 pagi : Kehadiran Tetamu Kehormat
Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran
Haji Bahar
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
- : Bacaan Surah al-Fatihah
- : Bacaan Asmaul Husna
- : Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan
- : Bacaan al-Qur'an dan Intisari Ayat
- : Ucapan Alu-aluan oleh:
Yang Mulia Dr. Abdul Rauf Muhammad Amin
Pengerusi Bersama SEKAPES 2019
- : Ucapan Perasmian Seminar oleh Tetamu Kehormat
- : **Pembentangan Kertas Utama IV**
Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Adnan Abdul Rashid
Profesor Madya Pendidikan Islam
Jabatan Kurikulum & Perkaedahan
Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- : Pembentangan Resolusi Seminar oleh:
Yang Mulia Dr. Haji Matussien bin Haji Jumat
Ketua Bahagian Kertas Kerja, Perumus & Pelapor
SEKAPES 2019
- : Penyerahan Resolusi Seminar kepada Tetamu Kehormat
- : Penyampaian Sijil & Cenderahati kepada Pembentang
- : Penyampaian Cenderahati kepada Tetamu Kehormat
- : Bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa
- : Bersurai

Sesi Petang

- 1.30 petang : Pendaftaran
2.00 – 4.30 petang : **Sesi Pembentangan Selari III**
 : Bersurai

Abstrak Pembentang Utama

**Seminar Kefahaman Aqidah Dan Pemikiran Semasa 2019
(SEKAPES 2019)**

EPISTIMOLOGI KEILMUAN AHLUS SUNNAH WAL JAMA'AH: BELAJAR KEPADA 'IMPERSONAL TEACHERS'

Prof. Dr. Nasaruddin Umar
Rektor
Universitas PTIQ Jakarta Indonesia

Abstrak

Dalam perspektif Ahlus Sunnah wal Jamaa'ah (ASWAJA), ontologi dan epistemologi keilmuan dapat dibedakan ke dalam dua macam obyek, yaitu ilmu dan makrifah. Pengetahuan yang diperoleh melalui olah nalar disebut dengan ilmu ('ilm) dan pengetahuan yang diperoleh melalui olah batin disebut makrifat (ma'rifah) atau 'irfan menurut ulama Syi'ah. 'Ilm berasal dari akar kata alima-ya'lamu berarti mengetahui, sekar kata dengan 'alam berarti tanda, petunjuk, bendera; 'alamah berarti alamat atau suatu tanda yang melalui dirinya dapat diketahui sesuatu yang lain (kullu ma bihi ya'lamu al-syai'). Segala sesuatu selain Allah (kullu ma siwa Allah) adalah alam. Alam adalah tanda menunjuk kepada (adanya) Allah SWT. Alam juga sekaligus memberikan kesadaran dan pengetahuan tentang Allah SWT, dan kalangan teosofi mengatakan alam adalah manifestasi (tajalli) Allah SWT. Dari segi kebahasaan dapat ditangkap makna 'ilm dan 'alam memiliki konotsi fisik dan mekanik dengan metodologi yang lebih bersifat rasional. Ma'rifah berasal dari kata 'arafa-yu'rif memiliki berbagai makna yang lahir dari padanya, antara lain mengetahui dan mengenal lebih dalam (i'rfa), pengakuan dosa (i'tiraf), wuquf di Arafah ('arrafah al-hujjaj), padang Arafah ('arafat), tempat antara syurga dan neraka (a'raf), bersetubuh ('arafah al-ma'ah), saling mengenal satu sama lain (ta'aruf), warisan tradisi lama yang positif ('urf), terkenal, masyhur (ma'ruf), ilmu pengetahuan luas (ma'arif), dan pengetahuan yang mendalam dan komprehensif (ma'rifah). Dari segi kebahasaan dapat difahami makna ma'rifah memiliki konotasi lebih tinggi dan agung. Metodologinya lebih spesifik dan bersifat keyakinan.

FAHAMAN ISLAM LIBERAL DAN PENENTANGANNYA TERHADAP SYARI'AT ISLAM

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Abstrak

Perkembangan aliran Islam liberal yang memperjuangkan kebebasan mutlak tanpa batasan di rantau ini semakin membimbangkan. Jika sebelum ini, mereka memperjuangkan idea-idea liberal secara terbatas dan tertutup, kini mereka dilihat semakin berani menyuarakannya secara terang-terangan dan terbuka. Malah aliran ini semakin berkembang melalui pendaftaran sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

selain bergerak secara individu dengan menyalurkan pandangan liberal mereka melalui media massa dan media sosial. Justeru, perkembangan aliran ini memerlukan respon dan perhatian yang serius kerana jika dibiarkan berkembang tanpa penjelasan dan penentangan yang sewajarnya, kehadirannya akan menjadi barah yang sukar dirawat kemudian hari apalagi aliran ini telah terbukti membawa fahaman yang jelas bersalah dengan aqidah dan syari'at Islam berdasarkan ajaran Ahli Sunnah Waljama'ah. Kertas kerja ini akan mengupas perkembangan fahaman aliran ini di rantau ini dengan memfokuskan kajian dan perbincangan dalam aspek penentangan mereka terhadap syari'at Islam.

PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN AQIDAH ISLAMIAH DALAM KALANGAN UMAT ISLAM MASAKINI BAGI MENGHADAPI ISU DAN CABARAN ABAD KE 21

Prof. Madya Dr. Adnan Abdul Rashid

Profesor Madya

Jabatan Kurikulum & Perkaedahan

Kulliyah Pendidikan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Tujuan kertas kerja ini untuk membicarakan tentang usaha pengukuhan Aqidah Islamiah dalam kalangan umat Islam bagi menghadapi isu dan cabaran Abad ke-21. Aqidah adalah kepercayaan umat Islam kepada Allah yang Esa yang wajib dipegang dengan kukuh yang tidak dapat dilebur dengan api yang panas. Setiap ruang kehidupan seseorang mukmin terikat dengan ikatan kemas (murtabid) iaitu aqidah yang terpasak dengan penuh kekuatan dan keyakinan. Namun begitu dalam memiliki aqidah dan keimanan yang kukuh tidak bermakna kita umat Islam boleh hidup di zon selesa di dunia ini tanpa diuji oleh Allah SWT. seperti firman Allah bermaksud, "Adakah manusia menganggap bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: kami beriman, sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan atau cabaran?)" al-Ankabut: 2. Ujian dan cabaran umat Islam di abad ke-21 ini amat dahsyat sekali di mana aqidah umat Islam terhakis dan musnah oleh anasir-anasir dajjalun dan ya'juzun wa ma'juzun seperti penyalahgunaan media elektronik dan teknologi yang canggih, pengaruh sekularisme, pengaruh internet, kehidupan berteraskan materialisme, hedonism, ajaran sesat dan sebagainya. Inilah di antara cabaran-cabaran aqidah umat Islam masakini yang mana secara langsung atau tidak langsung aqidah umat Islam tergugat, membarah dan menuju kerosakan. Kertas kerja ini berusaha mengemukakan langkah dan usaha-usaha memperkuatkan aqidah umat Islam masa kini. Di antara usaha memperkuatkan dan memantapkan aqidah atau keimanan ialah memperkemas ilmu dan amalan, menjatidirikan individu Muslim dengan KPIA (key performance index for akhirah), pengurusan diri individu muslim (self-management), memperkemaskan kunci amalan, penggunaan teknologi dan penghayatan ajaran Islam berteraskan penyelidikan ilmiah

dan akhirnya memantapkan individu muslim sebagai manusia pilihan Allah. Kesimpulannya, dengan pengukuhan aqidah umat Islam masakini akan mengembalikan umat Islam kepada individu muslim atau modal insan yang cemerlang serta khairun ummah.

Kata kunci: Isu dan Cabaran Abad ke-21; Aqidah dan Pengukuhannya dan Modal Insan yang Cemerlang; Khairun Ummah.

Abstrak Pembentang Selari

**Seminar Kefahaman Aqidah Dan Pemikiran Semasa 2019
(SEKAPES 2019)**

PERANAN AL-QUR'AN DALAM MELETAK BATU ASAS PEMBELAJARAN SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN MELALUI SEJARAH NABI DAN RASUL

Dr. Mikdar Rusdi

Fakulti Usuluddin

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Al-Qur'an sudah tidak dipertanyakan lagi sebagai kitab hidayah yang menerangi segala bentuk ilmu dan pengetahuan umat manusia, hidayah al-Qur'an perlu dipahami lebih luas bukan hanya menyangkut isu aqidah dan ibadah sahaja yang skopnya sering difahami sebatas isu agama tetapi lebih dari itu sebagai penerang kepada perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan, al-Qur'an melalui sejarah nabi dan rasul telah meyentuh secara tersirat batu asas yg dapat dijadikan sebagai pilar perkembangan ilmu pengetahuan yang menjadi pusat kemajuan ilmu sains teknologi dan kejuruteraan. Dalam kertas kerja ini penulis cuba merungkai bagaimana al-Qur'an telah memberikan isyarat asas kemajuan ilmu-ilmu bermula dengan Nabi Adam 'Alaihissalam ketika Allah Subhanahu Wata'ala mengajarkan segala nama-nama dengan lafadz "al Asma Kullaha" وَلَمْ يَعْلَمْ أَدْمَ الْأَسْمَاءِ كُلُّهَا sebagai simbol penguasaan ilmu hingga ke pengutusan Nabi kita Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai Nabi yang terakhir dengan memberi signal penerokaan ilmu angkasa lepas melalui peristiwa israk dan mikraj serta dimuatnya dalam al-Qur'an isu-isu langit yang mengagumkan.

Kata kunci: al-Qur'an; Ilmu; Sains; Teknologi; Kejuruteraan.

PERANAN IKATAN CENDEKIAWAN ALUMNI TIMUR TENGAH (ICATT) DALAM MENGUKUHKAN AHLU SUNNAH WALJAMA'AH DI INDONESIA TIMUR

Prof. Madya Dr. H. Andi Aderus

Ikatan Cendekiawan Alumni Timur Tengah (ICATT)

Indonesia

Abstrak

Ikatan Cendekiawan Alumni Timur Tengah (ICATT) Indonesia adalah wadah yang menghimpun para alumni yang pernah belajar di kawasan Timur Tengah yang meliputi Mesir, Sudan, Suriah, Libya, Iraq, Maroko, Tunisia, Arab Saudi dan Pakistan. Organisasi ini bergerak dalam bidang dakwah, pendidikan dan sosial. Jumlah alumni yang telah kembali ke Indonesia telah mencapai ribuan orang. Jumlah tersebut tersebar di berbagai daerah dan telah berkiprah di berbagai bidang. Khusus di Sulawesi Selatan jumlah Alumni Timur Tengah sekitar 700-an yang berkiprah sampai kepelosok tanah air. Dalam menjalankan visi dan misinya menjaga moderasi beragama yang wasatiyyah sesuai dengan kepahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, ICATT tampil dengan program

pemberdayaan pesantren, turut andil dalam memakmurkan mesjid dengan program-program dakwah dalam berbagai level. Di samping itu ICATT juga melakukan kaderisasi dengan mengirim calon mahasiswa baru ke Timur Tengah setiap tahun setelah melalui seleksi yang cukup ketat. Peranan ICATT dalam mempertahankan Wasatiyyah Ahlu Sunnah Waljama'ah merupakan hal yang patut disyukuri sebab Indonesia bagian Timur merupakan tempat yang subur dalam penyebaran paham yang tidak wasatiyyah sehingga ICATT betul-betul menjadi benteng intelektual bagi penyebaran wasatiyyah beragama.

PERANAN ALUMNI AL-AZHAR DALAM KONTEKS PERPADUAN UMMAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar

Pusat Ilmu Teras / Fakulti Syariah

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Negara Brunei Darussalam mendapat impak yang besar melalui lulusan Universiti Al-Azhar Mesir dalam konteks pembangunan Islam di negara ini berdasarkan kepada ilmu dengan panduan kaedah-kaedah yang kukuh berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah yang didukung dengan warisan turath dan kefahaman semasa yang praktikal, dinamik yang maju ke hadapan. Graduan Al-Azhar adalah menjadi penggerak utama di negara ini yang mengisi pentadbiran dan perkhidmatan ugama serta mencorak pegangan yang tepat serta penggerak dakwah yang mantap berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB). MIB adalah asas perpaduan hidup bermasyarakat dan bernegara di Negara Brunei Darussalam. Komponen Islam di dalam MIB diakui sebagai agama rasmi negara yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap lagi sempurna dan unggul. Amalan beragama di Negara Brunei Darussalam dilangsungkan dalam bentuk “kesederhanaan” menurut aliran yang telah ditentukan, iaitu berpegang kepada aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah dari segi Tauhid dan menurut Mazhab Imam al-Syafi'e dari segi Fiqh. Dengan cara itu agama Islam telah memberi sumbangan yang besar dan membawa keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan kepada Negara Brunei Darussalam. Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan dan mengembangkan serta mengukuhkan penghayatan falsafah negara ini dalam semua aspek termasuklah dalam berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, berkerajaan dan bernegara. Dalam masa yang sama juga berperanan memastikan umat Islam di negara ini tidak terbawa-bawa oleh cara dan corak pemikiran, amalan dan tindakan yang boleh memecah belahkan dan menjelaskan kehidupan beragama dan kestabilan serta perpaduan ummah.

Kata kunci: Alumni Al-Azhar; Melayu Islam Beraja; Ahli Sunnah Waljama'ah; Mazhab Syafi'i.

STRATEGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB) DALAM MEMPERKASA KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH (ASWJ)

995 Kapten Mohammad Ayza Azrine bin Ayahani
Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Kementerian Pertahanan

Abstrak

Kertas kerja ini mengandungi perancangan Angkatan Besenjata Diraja Brunei (ABDB) di dalam memperkasa kefahaman aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan sekaligus mengawal sebarang kefahaman-kefahaman yang salah mahupun ideologi yang melampau yang menjurus kepada ekstremisme dan radikalisme. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah semasa sambutan Hari Ulang Tahun ABDB yang ke-56 Tahun, yang mana antara lain baginda menekankan bahawa setiap anggota ABDB perlulah mengukuhkan benteng dalaman mereka agar tidak terpengaruh dengan risiko pemesongan ideologi dan mampu untuk menangkis segala fahaman salah yang menjurus kepada ekstremisme dan radikalisme. Di dalam usaha ABDB menyahut titah KDYMM ini, beberapa perancangan strategik telah pun disusun, yang mana ianya menggunakan konsep 3P iaitu Penerapan, Pemantauan dan Pencegahan. Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT) memainkan peranan utama dalam strategi yang pertama iaitu Penerapan, yang mana JAMA'AT telah pun mula mengorak langkah dalam menerapkan kefahaman ASWJ dalam kalangan anggota ABDB, menerusi pendekatan da'wah, pendidikan, kolaborasi dan kerjasama dengan institusi luar dan sebagainya, yang mana akan dikongsikan secara lebih terperinci di dalam kertas kerja ini nanti.

Kata kunci: ASWJ; Perancangan; Penerapan; JAMA'AT; ABDB.

KARAKTERISTIK KURIKULUM MADRASAH ALIYAH (MA) DI KOTA SAMARINDA KALIMANTAN TIMUR

Dr. Muhammad Nasir
Institut Agama Islam Negeri Samarinda

Abstrak

Penelitian ini menggambarkan secara kualitatif prosedur pengembangan dan struktur kurikulum Madrasah Aliyah (MA) di Kota Samarinda Kalimantan Timur. Penelitian ini dilaksanakan di Madrasah Aliyah Negeri (MAN) dua, Madrasah Aliyah (MA) Darul Ihsan, Madrasah Aliyah (MA) al-Mujahidin dan Madrasah Aliyah (MA) Annur di Kota Samarinda Kalimantan Timur. Hasil penelitian menggambarkan bahwa prosedur pengembangan dan kelengkapan dokumen kurikulum terlaksana sesuai Standar Nasional Pendidikan (SNP)

Indonesia, namun belum melibatkan berbagai pihak terkait terutama konsultan kurikulum dan komite madrasah. Struktur Kurikulum Madrasah Aliyah (MA) di Kota Samarinda meliputi; a) mata pelajaran berupa mata pelajaran wajib dan mata pelajaran peminatan; b) muatan lokal berupa mata pelajaran muatan lokal, program muatan lokal dan nilai-nilai muatan lokal yang dititipkan pada setiap mata pelajaran; c) pengembangan diri berupa penguatan bakat dan minat siswa bidang kebahasaan, kesenian, olahraga, dan keagamaan; dan d) kecakapan hidup berupa kepramukaan dan keterampilan khusus. Dalam struktur kurikulum tersebut tergambar karakter tujuan, materi dan bahan ajar, proses pembelajaran dan penilaian. Tujuan akhir dari struktur kurikulum Madrasah Aliyah (MA) berupa mata pelajaran, muatan lokal, pengembangan diri dan kecakapan hidup tersebut adalah untuk mencetak lulusan yang memiliki sikap spiritual, sikap sosial, pengetahuan dan keterampilan khusus.

AMALAN BERKAITAN AYAT-AYAT AL-QUR'AN SELARAS STANDARD MUFASSIRIN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

Dr. Hjh Sarinah binti Haji Yahya
Fakulti Usuluddin
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Abstrak

Masyarakat Islam kini semakin menyedari kepentingan pengamalan ayat-ayat al-Qur'an dalam kehidupan seharian. Ini boleh dilihat menerusi paparan-paparan kongsi di media sosial. Hal ini kerana ianya merupakan medium mudah menyampaikan informasi dan ilmu. Namun satu perkara yang mungkin terlepas pandang ialah tahap atau status kesahihan informasi tersebut. Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti status amalan-amalan yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'an yang tersebar dalam kalangan masyarakat. Beberapa contoh diteliti dari sudut pandang ahli tafsir yang muktabar menepati aliran Ahli Sunnah Waljama'ah. Hasil kajian mendapati banyak ketidaktepatan maklumat yang disampaikan berkaitan dengan amalan-amalan tersebut. Apa saja perkara yang berkaitan dengan al-Qur'an adalah lebih perlu ditentukan statusnya bagi mengelak penyelewengan terhadap kalam Allah, lantas memurnikan amalan seluruh umat Islam.

Kata kunci: Amalan al-Qur'an; Mufassirin Ahli Sunnah Waljama'ah; Standard Tafsir Ahli Sunnah Waljama'ah; Status Ketepatan Tafsir; Pemurnian Amalan al-Qur'an.

AL-QUR'AN SEBAGAI SHIFA UL LINNAS: PENERIMAAN DAN APLIKASI MASYARAKAT BRUNEI

Hajah Siti Mazidah binti Haji Md. Yusof

Fakulti Usuluddin

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Abstrak

Tujuan utama kajian ini ialah mengkaji penerimaan dan aplikasi masyarakat Brunei terhadap al-Qur'an sebagai shifa ul linnas. Adapun shifa yang dimaksudkan di sini ialah penawar dan ubat bagi penyakit rohani mahupun penyakit jasmani. Kajian ini mengetengahkan penggunaan al-Qur'an sebagai rawatan alternatif. Persoalan utama di dalam kajian ini ialah mengenai pendekatan yang di ambil, pengetahuan mengenai tajuk kajian dan penerimaan masyarakat terhadapnya. Adapun kepentingan lain kajian ini dijalankan ialah bagi membantu penambahbaikan dan menampung kekurangan bidang perubatan moden, membantu memelihara aqidah masyarakat Brunei dari terpesong dan seterusnya dapat membangunkan kaedah rawatan Islam seiring pembangunan Islam itu sendiri. Kajian ini akan menggunakan metod campuran antara kajian kuantitatif dan kajian kualitatif. Instrumen bagi kajian ini ialah instrumen soal selidik yang akan mengambil sebanyak 150 orang responden dan instrumen temu bual sebanyak 4 orang responden. Hasil kajian ini diharap dapat membantu menjadi bahan rujukan masyarakat dalam mengaplikasi ayat-ayat al-Qur'an sebagai sumber rawatan, mencegah masyarakat dari mendatangi pengamal perubatan yang bertentangan dengan agama dan membantu membetulkan fahaman yang salah mengenai rawatan bersumberkan ayat al-Qur'an.

Kata kunci: Penerimaan; Aplikasi; Masyarakat Brunei; Al-Qur'an; Shifa Ul Linnas; Rawatan Alternatif.

**PENGETAHUAN UGAMA ISLAM: PEMBELAJARAN TANDA-TANDA KIAMAT
MENURUT AL-QUR'AN DAN AS-SUNNAH, KESANNYA TERHADAP AQIDAH DAN
AKHLAK PENUNTUT TAHUN 9 DI SALAH SEBUAH SEKOLAH MENENGAH
SWASTA**

Haji Soslan bin Haji Naning & Hajah Norhani binti Haji Jais

Jabatan Pengajian Islam

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji Pengetahuan Ugama Islam: Pembelajaran Tanda-Tanda Kiamat Menurut Al-Qur'an dan As-Sunnah, Kesannya Terhadap Aqidah dan Akhlak Penuntut Tahun 9 di Salah Sebuah Sekolah Menengah Swasta. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti jenis-jenis kaedah yang digunakan dalam pembelajaran tanda-tanda kiamat. Selain itu juga adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan dapat memperbaiki akhlak penuntut dan mengenal pasti sikap penuntut terhadap pembelajaran tanda-tanda kiamat. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian tinjauan iaitu kajian kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada dua orang guru pendidikan Islam yang menggunakan persampelan bertujuan dan 44 orang penuntut dari Sekolah Menengah St. Andrew. Kajian ini diambil dari dua kelas sedia ada yang mempunyai latar belakang pencapaian yang sama. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 23.0 bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan nilai min. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam pembelajaran tanda-tanda kiamat iaitu kaedah syarahan, soal jawab, penerangan, ulangan, hafalan, amali, latih tubi, bercerita, perbincangan, permainan, pengalaman, demonstrasi, projek, simulasi dan menganalisis. Manakala bagi kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan dapat memperbaiki akhlak penuntut ialah berdasarkan kepada (1) kaedah pengajaran, (2) teknik pengajaran, (3) ABM, (4) Keberkesanan dan (5) Masalah. Akhirnya, sikap penuntut terhadap pembelajaran tanda-tanda kiamat menunjukkan semua komponen iaitu pandangan umum penuntut mengenai pembelajaran tanda-tanda kiamat, cara pengajaran guru, personaliti guru dan penggunaan alat bantu mengajar menunjukkan min yang tinggi, kecuali jenis alat bantu mengajar menunjukkan tahap min yang sederhana sahaja.

PERAN PESANTREN DALAM MELESTARIKAN PAHAM AHLUS SUNNAH WAL JAMA'AH DI INDONESIA

Mohammad Hamzah Arsa

*Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien (IDIA) Prenduan, Sumenep Madura, Jawa Timur,
Indonesia*

Abstrak

Sebagai indigenous culture (budaya asli), pesantren memiliki andil besar dalam melestarikan paham Ahlus Sunnah Wal Jama'ah di Indonesia selama berabad-abad. Paham ini menjadi fondasi utama beragama umat Islam dan dinilai sangat relevan dengan kehidupan masyarakat Indonesia yang heterogen dan majemuk. Memasuki era global, pesantren - dan juga Indonesia - dihadapkan pada tantangan berat yaitu dengan munculnya berbagai paham keagamaan, khususnya liberalisme dan radikalisme, dua paham yang berlawanan secara diametral dengan arus mainstream umat Islam Indonesia. Menyikapi dua paham tersebut, pesantren tampil kokoh pada posisi "tengah" (tawassuth). Pesantren tetap komitmen menjadi institusi yang senantiasa menyemai Islam yang damai, berkeadilan, seimbang, toleran dan egaliter.

Kata kunci: Peran Pesantren; Ahlus Sunnah Wal Jama'ah; Liberalisme; Radikalisme.

PRINSIP PEMIKIRAN ISLAM MENURUT KERANGKA AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Hilman Haji Salim

*Pusat Kajian Fiqh al-Usrah / Pusat Ilmu Teras
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*

Abstrak

Perbezaan aliran pemikiran di kalangan umat Islam dalam memahami agama dewasa ini semakin membimbangkan, sehingga menyebabkan perpecahan dan perbalahan yang seakan tidak ada titik pertemuan untuk kekal sebagai umat yang bersatu padu. Perbezaan dalam mentafsir nash-nash agama jika dalam kalangan ulama dan cendikiawan sememangnya baik. Namun apa yang membimbangkan adalah adanya golongan awam yang turut menceburkan diri dalam lautan perbahasan yang dalam, yang akan menatijahkan kerosakan serta kebinasaan. Kecelaruan pemikiran setentunya membawa kepada amalan dan perbuatan yang boleh memudaratkan diri dan orang lain. Budaya takfiri, tabdi'i serta perilaku-perilaku ekstrim adalah kesan daripada kecacatan dalam pemikiran berugama yang sahih. Kajian ini mengemukakan prinsip-prinsip asas pemikiran yang mesti difahami dan dipegang menurut kerangka Ahli Sunnah Wal Jama'ah, baik dari sudut Aqidah, Syari'ah, Tasawuf dan Siyasah. Ahli Sunnah Wal Jama'ah menjadi landasan untuk umat Islam terus kekal berada di dalam golongan yang di sebut sebagai 'al-Firqah an-Najiyah' (Golongan yang terselamat). Dari Sudut

pemikiran aqidah, Ahli Sunnah Wa Jama'ah adalah yang berpegang kepada mazhab al-Asya'irah dan al-Maturidiyah, yang mana kedua-duanya berpegang kepada prinsip at-Tawassuth yang merupakan ciri-ciri Ahli Sunnah Wal Jama'ah, yang membezakannya dengan pemikiran ghuluw dalam menggunakan akal mengatasi nash-nash syara', dan pemikiran yang terlalu ekstrim terhadap nash-nash tersebut. Dari sudut pemikiran fiqh berpegang kepada mazhab-mazhab empat yang muktabar iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Mazhab-mazhab tersebut berperanan dalam menjaga kesahihan pemikiran dan amalan berugama di kalangan umat Islam. Dakwaan bahawa umat Islam tidak perlu mengikut mazhab-mazhab muktabar tersebut adalah bathil dan menggugat keaslian ajaran Islam itu sendiri. Dari sudut pemikiran tasawuf dan Tazkiyah al-Nafs adalah menurut jalan tasawuf sunni melalui jalan al-Junayd (m.297H) dan al-Ghazzali (m.505H). Kedua-duanya adalah jalan yang selamat daripada penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di dalam jalan kesufian seperti konsep-konsep yang berbentuk Syathahat dan filsafat, malah kedua-duanya telah berjaya mengintegrasikan Aqidah, Syari'ah dan Tasawuf. Manakala dari sudut pemikiran siyasah hendaklah mempunyai kriteria-kriteria dan konsep pemerintahan yang terdapat di dalam nash-nash syara', seperti Syura, Adil, Hak kebebasan dan kesamarataan, serta kedaulatan syari'at.

Kata kunci: Pemikiran Islam; Ahli Sunnah Wal Jama'ah; Aqidah; Syari'ah; Tasawuf; Siyasah Syar'iyyah.

PELESTARIAN KEFAHAMAN AKIDAH ISLAM DI KALANGAN SAUDARA-SAUDARA BARU: KAJIAN PERLAKSANAAN DAN KESANNYA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hajah Siti Norhzainayati binti Haji Abdul Kadir
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Abstrak

Kajian ini membincangkan peranan Pusat Dakwah Islamiyah sebagai pihak yang berautoriti memelihara kelestarian pemahaman akidah Islam di kalangan saudara-saudara baru di Negara Brunei Darussalam. Perbincangannya mengandungi perlaksanaan program yang diusahakan oleh pihak Pusat Dakwah Islamiyah dalam memberi bimbingan berkesan terhadap ajaran-ajaran Islam kepada saudara-saudara baru di Negara Brunei Darussalam termasuk metode-metode yang digunakan. Keterampilan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh pihak Pusat Dakwah Islamiyah merupakan peneraju kepada penyebaran dan perkembangan berterusan ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Sementara itu pengendalian program-program bimbingan yang efektif sangat diperlukan bagi memelihara kepentingan saudara-saudara baru serta menjamin pelestarian kefahaman akidah Islam mereka. Justeru kaedah pengajaran dan kurikulum pembelajaran yang digunakan oleh Unit Pengislaman dan bimbingan Mualaf dalam program bimbingan terhadap saudara-saudara baru menjadi fokus kajian. Ianya

bertujuan mengetahui tahap keberkesanan program yang dilaksanakan serta tahap pemahaman ajaran Islam di kalangan saudara-saudara baru. Kajian mendapat kelas-kelas bimbingan dan kursus-kursus agama yang dikendalikan telah membantu mengukuhkan kefahaman terhadap ajaran Islam di kalangan saudara-saudara baru. Bagaimanapun penelitian semula ke arah penyediaan kurikulum yang lebih sesuai, metode pengajaran yang lebih menarik dan mencabar serta tempoh perlaksanaan mencukupi adalah perlu demi menjamin kemantapan pemahaman akidah mereka. Manakala kajian terhadap faktor pemelukan Islam saudara-saudara baru mempunyai impak besar terhadap taraf kehidupan mereka. Analisa kajian mencatatkan aspek ekonomi sebagai faktor tertinggi penerimaan mereka terhadap Islam diikuti dengan aspek pendidikan sekalipun tidak dinafikan aspek pengurniaan hidayah daripada Allah di antara penyumbang kepada pemelukan Islam. Sebagai kesimpulannya kajian ini mendapat pertambahan bilangan penganut Islam di kalangan masyarakat Brunei Darussalam menunjukkan kejayaan program-program dakwah kelolaan Pusat Dakwah Islamiah. Malah bimbingan ajaran Islam yang diberikan diakui memberi manfaat kepada saudara-saudara baru khasnya. Bagaimanapun hanya dengan pemantauan berterusan terhadap kepentingan mereka dipercayai mampu menjamin pelestarian kefahaman akidah Islam para saudara baru.

KEFAHAMAN AQIDAH AHLI SUNNAH WALJAMA'AH DI KALANGAN MURID-MURID DARJAH 4, 5 DAN 6 DI SALAH SEBUAH SEKOLAH UGAMA DI DAERAH TUTONG

Zaleha binti Salleh
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmana pemahaman murid-murid darjah 4, 5 dan 6 di salah sebuah Sekolah Rendah Ugama Daerah Tutong mengenai kefahaman aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah. Memandangkan Ahli Sunnah Waljama'ah mempunyai kedudukan istimewa di Negara Brunei Darussalam dan Negara Brunei sebagai satu cara hidup yang lengkap; Negara Brunei berhasrat untuk terus melaksanakan serta memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah sebagai satu cara hidup yang lengkap lagi sempurna. Disebabkan inilah pengkaji merasa kajian ini penting untuk mengetahui tingkat kefahaman murid-murid mengenai Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah. Kajian ini dilaksanakan melalui kefahaman mengenai Rukun Iman dan Rukun Islam serta pelajaran Tauhid secara menyeluruh. Sampel kajian akan terdiri daripada murid-murid dan guru-guru dan metode yang digunakan ialah soal selidik disamping pemerhatian dan temubual. Oleh itu, kajian ini akan melibatkan salah sebuah sekolah ugama di Daerah Tutong dan melibatkan murid-murid peringkat rendah atas iaitu darjah 4, 5 dan 6. Hasil daripada kajian pengkaji mendapat kefahaman murid-murid mengenai Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah adalah ditahap yang baik ini kerana mereka

sudah terdedah dengan pengetahuan ini di dalam pelajaran Tauhid darjah 4, 5 dan 6. Matlamat pelajaran di peringkat ini juga untuk melahirkan murid yang beriman dan beramal mengikut Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah.

TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR TENTANG KEPENTINGAN AKIDAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Dayangku Hajah Kartini binti Pengiran Haji Puan
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Abstrak

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membincangkan tahap kefahaman, pengetahuan dan penghayatan pelajar tentang kepentingan akidah dalam kehidupan sehari-hari, dikalangan pelajar di tiga buah sekolah menengah di kawasan Brunei/Muara. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah di kawasan Brunei/Muara yang terdiri pelajar tahun 10 dan tahun 11. Seramai 60 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian. Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data ialah permerhatian, temu bual dan borang soal selidik. Proses pengumpulan data dilakukan oleh penyelidik sendiri. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS for windows (Version 23.0). Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar berkaitan dengan kefahaman pelajar tentang akhidah berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 2.71. Manakala tahap penghayatan pelajar tentang kepentingan akidah dalam amalan harian pelajar pada tahap sederhana dan lebih rendah daripada apa yang mereka fahami iaitu nilai 1.75. Hasil dari temu bual kajian tentang pengetahuan pelajar tentang akidah ditahap sederhana dan memerlukan bimbingan dan dorongan daripada berbagai pihak. Ini kerana semua responden terdiri dari pelajar yang sudah habis sekolah Ugama dan tidak lagi bersekolah Ugama. Saranan yang dikemukakan untuk memperbaiki lagi tahap pengetahuan pelajar dan penghayatan pelajar tentang akidah dalam kehidupan sehari-hari mereka adalah melalui penekanan kepada didikan agama dan peneguhan akidah oleh semua pihak samada ibubapa, pihak sekolah dan masyarakat sekeliling.

**MODERNISASI INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN AHLUS SUNNAH
WAL JAMA'AH DI TAZKIA INTERNATIONAL ISLAMIC
BOARDING SCHOOL, MALANG-INDONESIA**

Ahmad Fanani
Tazkia International Partnership
Tazkia International Islamic Boarding School, Malang, Indonesia

Abstrak

Dunia Institusi Pendidikan Islam sejatinya memiliki potensi dan nilai yang terbaik daripada institusi pendidikan lainnya. Akan tetapi dalam berjalannya waktu, institusi pendidikan Islam mengalami banyak kemunduran dari sistem pembelajaran dan pengajaran, kurikulum, dan lingkungan belajar. Tazkia International Islamic Boarding School (IIBS) di kota Malang-Indonesia melakukan pembaharuan dan modernisasi dalam institusi pendidikan Islam yang tetap bermadzhab Syafi'i dan berasaskan Ahlus Sunnah wal Jama'ah dalam mendidik para pelajar. Hal ini dapat dilihat dari kurikulum al-Azhar yang mengembangkan potensi para pelajar, sistem pembelajaran dan pengajaran serta lingkungan yang mendukung proses belajar mengajar sehingga semua yang dilihat, didengar dan dirasakan oleh para pelajar adalah pendidikan yang bernaftaskan Islam.

Kata kunci: Modernisasi: Institusi Pendidikan Islam; Tazkia IIBS.

**ANALISIS TEMATIK KAEDEAH TAHAQQUQ PROSES TAZKIYAH AL-NAFS OLEH
SAID HAWWA DALAM KITAB AL-MUSTAKHLAS FI TAZKIYAH AL-ANFUS:
KHULASAH PILIHAN IHYA' ULUMUDDIN**

Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah & Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan & Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Tazkiyah al-Nafs ialah suatu kaedah pendidikan jiwa seseorang manusia yang berbentuk penyucian dalaman dan pembentukan luaran supaya dapat mengekang kemahuan dan sifat buruk yang membawa kepada ketidaksihatan mental dan kecelaruan tingkah laku. Tokoh-tokoh tasawuf telah memperkenalkan kaedah dalam penyucian jiwa antaranya Syeikh Sa'id Hawwa yang memperjelaskan lagi kaedah Imam al-Ghazali dalam penyucian jiwa. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan tahaqquq yang diketengahkan oleh Syeikh Sa'id Hawwa dalam kaedah Tazkiyah al-Nafs. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan Sheikh Said Hawwa telah mengetengahkan proses dan peringkat tahaqquq dalam kaedah Tazkiyah al-Nafs yang berupaya mendidik jiwa manusia supaya terhindar daripada ketidaksihatan mental dan kecelaruan jiwa dengan sifat-sifat

mazmumah. Kajian ini dapat menjelaskan model komprehensif tahaqquq dalam kaedah penyucian jiwa berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci: Penyucian Jiwa; Kaedah Islam; Ilmu Tasawuf; Tokoh Islam.

MIMPI DALAM KAJIAN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

Dr. Harapandi Dahri

*Pusat Pengkajian Jawi dan Kitab Turath / Pusat Ilmu Teras
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*

Abstrak

Mimpi pada hakikatnya dapat dialami oleh setiap manusia. Bahkan Islam menjadikan mimpi yang baik sebagai salah satu tanda kenabian. Mimpi tentang apa sahaja dapat terjadi, termasok mimpi berjumpa dengan Nabi Muhammad. Keharusan mimpi melihat Rasulullah jelas disebutkan di dalam sebuah hadith yang bermaksud “Barangsiapa melihatku dalam mimpi, maka sungguh ia telah melihatku secara benar. Sesungguhnya syaitan tidak dapat menyerupai bentukku. Barangsiapa yang berdusta atasku secara sengaja maka ia telah mengambil tempat duduk dalam neraka”. Di samping keharusan berlakunya mimpi melihat Nabi Muhammad, dalam hadith yang sama Rasulullah memberi amaran kepada sesiapa yang berdusta mengatasnamakan nama baginda. Kebenaran mengenai seseorang telah bermimpi atau sebaliknya adalah perkara yang tidak dapat disabitkan secara pasti kerana ianya adalah pengalaman khusus dan peribadi bagi individu berkenaan melainkan mimpi-mimpi yang telah diceritakan dalam al-Qur'an dan Hadith Sahih. Jumhur Ulama berpendapat, perkara yang dialami dalam mimpi tidak diterima sebagai hujah atau sumber hukum meskipun orang itu benar bermimpi. Namun, mimpi sebagai salah satu tanda kebahagiaan tidak dapat diceritakan kepada sembarang orang apalagi mimpi buruk, mimpi yang dapat menjadikan seseorang sedih bahkan stres dan depresi. Untuk dapat mengetahui apa hakikat mimpi dan bagaimana mensikapinya, tulisan yang bertajuk: “Mimpi dalam dalam Kajian Ahli Sunnah Waljama'ah”.

ANCAMAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL & TRANSGENDER (LGBT) OLEH GOLONGAN LIBERAL TERHADAP AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol, Prof. Madya Dr. Latifah Abdul Majid & Abdullah Sulaiman
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Gerakan mengiktiraf Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT) oleh golongan liberal merupakan satu ancaman kepada masyarakat Islam di Malaysia. Aliran pemikiran liberal merupakan satu aliran pemikiran yang menghendaki kepada keterbukaan dalam

berijtihad yang melampaui batas-batas agama yang telah sedia ada seperti mana di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pemikiran ini telah menapak dalam kalangan liberal di Malaysia yang dibawa oleh individu perseorangan mahu pun badan-badan bukan kerajaan. Artikel ini bertujuan untuk menyoroti pemikiran golongan liberal dalam isu LGBT dan kaedah menolak dakwaan golongan ini. Hasil kajian menunjukkan pemikiran liberal dalam isu LGBT boleh merosakkan aspek akidah umat Islam iaitu mengagungkan akal berbanding wahyu serta meragui ketulinan al-Quran. Justeru, pemikiran ini telah terbukti menyeleweng dari pada manhaj ahli Sunnah wal Jamaah sebagaimana telah difatwakan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam negeri-negeri di Malaysia sebagai aliran yang sesat.

Kata kunci: Ancaman akidah; Pemikiran liberal; Masyarakat Muslim; Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

MELACAK GENEALOGI TASAWWUF IMAM AL GHAZALI DI NUSANTARA

Rijal Mumazziq Z

Institut Agama Islam al-Falah as-Sunniyyah

Abstrak

Imam al-Ghazali adalah salah satu reformis terbesar di bidang tasawwuf. Dia berhasil menyelaraskan antara jalur tasawwuf dan fiqh tanpa harus bertolakbelakang. Karya terbaiknya, *Ihya' Ulumiddin*, memiliki pengaruh besar dalam jagat sufisme pada delapan abad terakhir ini. Para pengagumnya menyebarkan pemikiran tasawwuf Imam al-Ghazali dengan berbagai ulasan ringkas maupun panjang atas berbagai karya idolanya tersebut. Tulisan ini membahas secara singkat para pelanjut gagasan Imam al-Ghazali di Nusantara hingga pemikiran sang Hujjatul Islam masih terasa relevan hingga saat ini.

Kata kunci: Imam al-Ghazali; *Ihya' Ulumiddin*; *Siyar As-Salikin*; *Minhajul Abidin*; *Siraj at-Thalibin*; Syaikh Ihsan Jampes; Syaikh Abdusshamad al-Falimbani; Syaikh Sholeh Darat.

PANDANGAN HUKUM IMAM AL-NAAWAWI DALAM BIDANG FIQH IBADAT

Dr. Abdul Rauf Muhammad Amin

Fakulti Syariah

Kolej Universiti Peguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Mazhab Syafi'i sejak penubuhan sampai saat ini telah mengalami empat fasa; fasa Penubuhan (*Ta'sīs*), fasa Transmisi (*Naql*), fasa Penapisan / Editing (*Tahrīr wa Tanqīh*) dan fasa Ketetapan / Stabiliti (*Istiqrār*). Setiap fasa banyak sekali ulama mazhab yang telah berjasa. Fasa paling penting adalah fasa editing kerana pada masa ini ulama telah

melakukan penyaringan pandangan hukum Imam Syafi'i dari pelbagai riwayat dan transmisi yang dilakukan oleh ulama mazhab. Fasa Tahrīr atau Tanqīh al-Madhab tidak dapat dilepaskan dari seorang tokoh dan ulama Syafi'i yang sangat masyhur dan populer iaitu Imam al-Nawawi. Beliaulah yang telah tekun dan bersungguh-sungguh melakukan penapisan terhadap pelbagai riwayat dan nukilan sehingga ia mampu menetapkan mana-mana pendapat yang dapat merepresentasikan pendapat atau mazhab Imam Syafi'i dari riwayat-riwayat itu. Ketokohan Imam al-Nawawi bukan hanya pada aspek tahrīr dan tanqīh al-Mazhab sehingga ia mampu menentukan mana pendapat hukum yg rajih atau muktamad dari pandangan-pandangan ulama mazhab Syafi'i yang lebih mewakili pendapat Imam tapi beliau juga seorang mujahid yang mampu menjana pendapat-pendapat hukum peribadi yang berbeza dengan pendapat yang rajih atau qaul muktamad dalam mazhab Syafi'i. Kertas kerja ini akan menumpukan kajiannya pada pendapat-pendapat hukum peribadi Imam al-Nawawi khusus dalam bidang ibadat serta alasan-alasannya yang berbeza dengan pendapat mazhab atau qaul rajih atau muktamad. Hasil kajian menunjukkan bahawa Imam al-Nawawi meskipun beliau sangat komitmen dan konsisten dengan afiliasi ke mazhab Syafi'i namun ia telah menunjukkan ketokohnon ijtihadnya dengan mengemukakan pendapat yang berbeza yang ia perkuat dengan alasan dalil-dalil syar'i.

PENGURUSAN WAKAF DI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR DALAM USAHA MEMARTABATKAN PERLAKSANAAN FIQH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Mustapahayuddin Abdul Khalim, Prof. Dr. Ismail Omar & Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Wakaf merupakan salah satu cadang dalam fiqh muamalat sedang giat dipraktikkan di Malaysia yang melibatkan harta-harta termasuk tanah. Pengurusan tanah wakaf adalah satu amanah yang perlu dilaksanakan bagi memastikan tanah wakaf tersebut dapat dimanfaatkan sebaiknya. Namun, wujud permasalahan berkenaan pengurusan dan pentadbiran tanah wakaf yang tidak cekap dan telus sehingga berlakunya pencerobohan di tanah wakaf yang tidak dibangunkan. Antara faktor wujud masalah berkenaan adalah pemegang amanah berhadapan dengan kekurangan dana dan kedudukan tanah wakaf yang tidak strategik. Hal ini menyebabkan tanah tersebut tidak dapat diuruskan sebaiknya untuk manfaat umat Islam. Kertas ini bertujuan untuk menganalisis aspek cabaran yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai pemegang amanah dalam pengurusan tanah wakaf. Untuk mencapai objektif ini, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa struktur kepada informen yang terdiri daripada pegawai Majlis Agama Islam Negeri Johor. Manakala kaedah analisis data menggunakan kaedah diskriptif. Hasil kajian mendapati wujud keseragaman data dan tahap keupayaan mentadbir yang baik bagi memajukan tanah wakaf di negeri

Johor oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor selaku pemegang amanah bagi tanah wakaf.

Kata kunci: Wakaf; Pengurusan Tanah; Sistem Muamalat; Fiqh Ahli Sunnah wal Jamaah.

**KONTRIBUSI AJARAN AHLUSSUNNAH WALJAMA'AH BAGI PEMBENTUKAN
KARAKTER ISLAM RAHMATAN LIL 'ALAMIEN DI INDONESIA
(KAJIAN ATAS KONSEP DAN IMPLEMENTASI AHLUSSUNNAH WALJAMA'AH PADA
PARA TOKOH ISLAM DI KOTA PEKALONGAN JAWA TENGAH)**

Imam Kanafi
Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah
IAIN Pekalongan, Indonesia

Abstrak

Penelitian ini bertujuan untuk mengdeskripsikan pandangan para tokoh Islam tentang konsep dan implementasi ajaran Ahlussunnah Waljama'ah serta kontribusinya dalam pembentukan karakter Islam Rahmatan Lil 'Alamien di Indonesia. Kajian ini dilatarbelakangi oleh adanya fenomena kelompok-kelompok Islam yang karakternya cenderung radikal dan fundamental, namun mereka mengklaim sebagai penganut Islam Ahlussunnah Waljama'ah. Dari pemetaan konsep dan impelemntasi para tokoh Islam yang berasal dari berbagai organisasi keislaman seperti Nahdlatul Ulama (NU), Muhammadiyah, Rifaiyyah, Front Pembela Islam (FPI), Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII), dan al-Irsyad, dapat diketahui mana organisasi keislaman yang benar-benar penganut Ahlussunnah Waljama'ah secara konsisten dan berkontribusi pada pembentukan karakter Islam Rahmatan Lil 'Alamien, dan mana yang sekedar pengakuan tanpa bukti konsep dan implentasi dalam kehidupan sosial dan kebangsaan. Penelitian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan sosial budaya. Objek kajian adalah para tokoh organisasi Islam yang berkembang di wilayah Kota Pekalongan Jawa Tengah, yang pengambilan datanya melalui teknik deep interview, serta teknik analisisnya menggunakan metode reflektif dan analisis fenomenologis. Adapun dari penelitian ini ditemukan fakta bahwa konsep Ahlussunnah Waljama'ah pada para tokoh Islam Kota Pekalongan itu beragam, dan yang paling komprehensif adalah dari kalangan Nahdhatul Ulama, baik dari aspek pengertian, dasar, ruang lingkup tokoh dan implementasinya. Tidak semua organisasi keislaman memenuhi syarat disebut sebagai Islam Ahlussunnah Waljama'ah. Kecenderungan radikal dimiliki oleh tokoh yang konsepnya tidak memiliki dasar normatif dan historis yang kuat. Peran membentuk karakter Islam yang Rahmatan Li 'Alamien dimainkan oleh beberapa organisasi keislaman yang memiliki konsep Ahlussunnah Waljama'ah yang mapan dan konsisten dalam implemtasinya dalam berbagai bidang kehidupan.

Kata kunci: Ahlusunnah Waljama'ah; Tokoh Organisasi Keislaman; Karakter Rahmatan lil 'Alamien.

PENDIDIKAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DALAM MELAHIRKAN MODAL INSAN BERTAQWA

Dr. Haji Matussein bin Haji Jumat

Fakulti Usuluddin

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Melahirkan modal insan dengan berpaksikan kepada akidah merupakan perkara terpenting dan keutamaan utama dalam agenda Islam berasaskan penegasan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang berulang-ulang kali kepada sekalian umatnya agar meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Ta'ala yang Maha Esa. Ketaqwaan adalah bekal yang dipergunakan dalam menghadapi segala rintangan dan kekangan ranjau-ranjau kehidupan menuju matlamat mendapat limpah rahmat kebahagiaan hakiki di dunia dan juga di akhirat. Pendidikan akidah awal akhir menjurus kepada ketaqwaan. Dalam hal ini, pendidikan akidah boleh dianalogikan seperti pokok atau teras, manakala elemen sampingan lain seperti bahasa, ekonomi, sains dan teknologi, politik, kebudayaan dikategorikan sebagai ranting yang mengeluarkan daun dan buah kerana patuh kepada hukum syari'at Islam. Melalui pendidikan ini, modal insan yang dibentuk mempunyai kekuatan spiritual berupa ketaqwaan sejati, berilmu, berakhlik mulia, mampu berdikari, berdaya saing, istiqamah, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal, mesra dan harmoni. Justeru, usaha pengukuhan akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah dalam pendidikan serta meningkatkan nilai-nilai akhlak mulia mampu merawat krisis moral dan memulihkan insan yang menghadapi tingkah laku negatif dengan penerapan elemen-elemen kerohanian berupa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

PENERAPAN PENDIDIKAN AQIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DI DALAM PENDIDIKAN SAINS : ISU DAN CABARAN

Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof

Professor Emeritus Dato Dr. Sayyed Muhammad Aqiel bin Ali Al-Mahdaly

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan & Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Abstrak

Pada zaman ini, tidak dapat dinafikan lagi bahawa manusia memerlukan sains dan teknologi untuk membangunkan dan memakmurkan alam ini. Kemajuan sains dan teknologi itu hanya dapat dibangunkan oleh manusia kerana mereka sahajalah mampu memahami sifat alam ini secara terbatas. Kebolehan manusia memahami tabii alam secara sistematik menerusi ilmu sains memungkinkan mereka untuk mengurus dan mentadbir alam ini dengan baik. Akan tetapi pendidikan sains semata-mata tidak mencukupi untuk membangunkan sesuatu bangsa kerana manusia itu mempunyai

keperluan jasad dan roh. Oleh yang demikian, penerapan pendidikan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah itu adalah sangat penting di dalam pendidikan sains apatah lagi pendidikan tersebut bersifat sekular. Ini kerana jika pendidikan sains itu tidak diterapkan dengan asas pegangan aqidah, ianya boleh merosakkan pemikiran seseorang muslim tersebut. Oleh yang demikian, dengan adanya kesimbangan diantara kedua ilmu itu menerusi penerapan pendidikan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah di dalam pendidikan sains, ianya bukan sahaja mampu membangunkan akal serta intelektual para muslim, tetapi juga akan menjadi satu subjek yang bermakna untuk membangunkan rohani para muslim. Kertas kerja ini akan melihat bagaimana penerapan pendidikan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah itu dapat diterapkan di dalam pendidikan sains disamping mengenal pasti isu-isu dan cabaran-cabaran yang penting untuk membangunkan pendidikan aqidah ahli sunnah wal jamaah dan juga pendidikan sains agar pendidikan sains tersebut memberikan makna kepada pembangunan fizikal dan rohani para umat Islam.

Kata kunci: Pendidikan; Sains; Aqidah; Pemikiran; Rohani.

PENERAPAN PENDIDIKAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH DI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB)

Pengiran Ahmad Hasanuddin bin Pengiran Haji Tejudin
Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Kementerian Pertahanan

Abstrak

Perlembagaan Bertulis bertarikh 29 September 1959 dan Titah Pemasyhuran Kemerdekaan 1984 menyatakan dengan jelas bahawa aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Imam Shafi'e adalah aliran dalam ugama Islam yang diguna pakai dan diamalkan sebagai cara hidup yang lengkap serta menjadi pegangan kukuh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Kajian ini mengandungi modal pendidikan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang di buat oleh Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam kepada warga ABDB. Usaha ini adalah demi menyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-56 untuk menangkis segala fahaman salah yang menjurus kepada ekstremisme & radikalism berdasarkan kefahaman agama yang sempurna berlandaskan M.I.B. Dewasa ini sering timbul ancaman-ancaman daripada golongan ekstremisme & radikalism yang timbul disebabkan oleh kefahaman agama yang salah, penyelewengan nas, pengaruh-pengaruh negatif dengan anasir2 yang disebabkan oleh media sosial dan sebagainya. Ini boleh menjelaskan sekuriti keamanan negara & mengganggu ketenteraman masyarakat. ABDB mengambil peranan didalam memperkasakan Ahli Sunnah Wal Jamaah didalam menyahut titah tersebut melalui konsep 3P, iaitu PENERAPAN, PEMANTAUAN dan PENCEGAHAN. Penerapan Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui pendidikan dan penerapan dilaksanakan oleh pihak JAMAAT. Sebagai langkah untuk memperkasakan Ahli Sunnah Wal Jamaah pihak JAMAAT telah

menjalankan kajian kaji seldik tahap kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di ABDB, dan dalam masa yang sama menyampaikan modul-modul yang khas yang berkaitan dengan ASWJ juga membuat hubungan dengan agensi-agensi berkenaan.

Kata kunci: ASWJ; Pendidikan; ABDB; 3P; JAMAAT.

MODEL PERLAKSAAN PROGRAM PONDOK UNIVERSITI UTHM SEBAGAI PEMANGKIN KE ARAH MEMPERKASAKAN KEFAHAMAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Dr. Halimi Mohd. Khalid, Shakila Ahmad, Abdullah Sulaiman, Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol, Prof. Madya Dr. Azman bin Hasan & Zurina bt Mohamad @ Shamsudin
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Fatwa Kerajaan Negeri Johor yang diwartakan pada 16 Februari 2017 menyatakan "Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di negeri Johor hendaklah mengikut undang-undang dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dari segi akidah berpandukan kepada mazhab Al-Asya'iyyah dan Al-Maturidiah, Syariah berpandukan kepada mazhab Syafe'i. Walaubagaimanapun tiga mazhab yang muktabar iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu dan dari segi akhlak hendaklah berpegang kepada akhlak Islamiyyah. Mana mana fahaman yang terkeluar daripada ASWJ dianggap melanggar Enakmen Agama Islam Negeri Johor dan boleh dikenakan tindakan. Resolusi Multaqa Ulama dan Ilmuwan Negeri Johor pada tahun 2015 telah menekankan kepada perihal pentingnya negeri Johor berpegang kepada Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan berusaha untuk mempertahankannya. Pelbagai program telah dirancang bagi merealisasikan usaha mempertahankan dan menyuburkan fahaman ini. Antara program yang dilihat sebagai unik dan dijalankan ialah program Pondok Universiti yang dilaksanakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Program ini mempunyai keistimewaannya tersendiri yang menyebabkan ia mampu bertahan sehingga kini. Pondok Universiti yang berasaskan kepada kaedah Talaqqi Kitab Turath dan Ulama Nusantara dan disampaikan oleh murobbi-murobbi yang mempunyai ilmu dan pengalaman yang luas dalam pengajian Pondok telah memberikan impak kepada warga kampus yang terdiri daripada staf dan pelajar. Selain daripada itu ia juga menjadi wadah kepada proses pemindahan ilmu (knowledge transfer) serta menyumbang kepada proses pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH) kepada masyarakat setempat. Bagi tujuan kelangsungan program serta meletakkan program ini sebagai suatu program keilmuan yang bersifat tradisi tetapi disusun dan diolah dalam bentuk yang sistematik dan tersusun suatu kajian telah dijalankan bagi menilai keberkesanan perlaksanaan program di kalangan para peserta yang meliputi beberapa aspek penting. Seterusnya sebuah kerangka model Pondok Universiti UTHM juga telah dihasilkan sebagai manifestasi secara keseluruhan kepada perlaksanaan program yang dilihat sebagai

mampu menjadi salah satu alternatif kepada perlaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat khususnya di Malaysia.

Kata kunci: Pondok Universiti; Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat; Model; Kitab Turath; Talaqqi; Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

KAJIAN KECENDERUNGAN KEFAHAMAN AKIDAH DALAM KALANGAN GURU AGAMA SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR

Sugimah Zakaria, Abdullah Sulaiman, Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol, Dr. Halimi Mohd. Khalid, Mustapahayuddin Abdul Khalim & Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar
Pejabat Pendidikan Islam Daerah Kluang, Johor & Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Kecenderungan kepada kepelbagaiannya fahaman akidah dalam masyarakat Islam di Malaysia khususnya negeri Johor telah menjadi suatu fenomena baru yang perlu ditangani dengan hikmah. Sejak kebelakangan ini, pelbagai kefahaman dalam aqidah yang bercanggah dengan kefahaman sebenar iaitu kefahaman akidah Ahli Sunnah wal Jamaah telah meresap dan menular dalam masyarakat. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kecenderungan kefahaman akidah dan aliran kefahtaan dalam kalangan guru agama di sekolah agama kerajaan nrgrei Johor Darul Takzim serta faktor kecenderungan fahaman tersebut. Kajian ini dijalankan di sekolah agama kerajaan negeri Johor. Tiga buah daerah iaitu Kluang, Muar, dan Johor Bahru telah dipilih secara rawak dan sampelnya seramai 300 orang responden dipilih untuk kajian. Data daripada responden dikumpul dan dianalisis menggunakan statistik peratusan. Hasil kajian mendapati responden lebih cenderung kepada kefahaman Ahlin Sunnah wal Jamaah sebanyak 67.9%, diikuti fahaman Wahabi sebanyak 18.7%, fahaman Syiah adalah 3.2% dan fahaman Islam liberal sebanyak 2.3%. Program dakwah dan kesedaran telah menyumbang sebanyak 95% sebagai faktor penyumbang utama ke arah pemantapan fahaman akidah Ahli Sunnah wal Jamaah di negeri Johor.

Kata kunci: Kajian Lapangan; Kefahaman Akidah; Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

PENDIDIKAN ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0: CABARAN AKHLAK GENERASI Z

Dr. Haji Ismail bin Abas & Haji Roslan bin Haji Untong
Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Ledakan teknologi Revolusi Industri 4.0 merupakan gelombang keempat yang dinilai bersekala besar dan kompleks, memperlihatkan kesan kemajuan dunia komputer dan kemudahan internet semakin jauh ke hadapan, semakin berkembang tanpa dapat disekat bahkan sentiasa dibangun, diperluas dan dipertingkatkan termasuk bidang pendidikan dimana peranti teknologi sudah merombak aktiviti pendidikan melalui penglibatan pelajar secara dinamik dan menjadikan aktiviti pendidikan sesuatu yang menarik dan interaktif. Dalam masa kita meraikan era ledakan teknologi maklumat (ICT) ini, terdapat pelbagai penyalahgunaan kecanggihan teknologi antaranya melibatkan kesalahan jenayah Syariah. Pendekatan Mujahadah al-Nafs dan penguatkuasaan undang-undang perlu untuk menyelamatkan generasi masa hadapan.

Kata kunci: Teknologi; Internet; Industri 4.0; Akhlak; Pelajar; Nafs.

PENDIDIKAN AKIDAH MUALAF BERTERASKAN KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WAL JEMAAH (ASWJ) DALAM MENGHADAPI CABARAN ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Dr. Ahmad Yunus bin Kasim
Pusat Ilmu Teras / Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Masyarakat Mualaf umumnya terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa, budaya dan ugama yang dianuti sebelum memeluk Islam. Golongan ini memerlukan pendekatan pengajaran khusus dalam membina paradigma akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang memberi implikasi terhadap penghayatan syariah dan akhlak Muallaf dalam kehidupan. Namun benih akidah Muallaf yang baru disemai turut terdedah dengan ancaman aliran pemikiran kontemporari yang menyeleweng daripada akidah ahli Sunnah Wal Jemaah seperti Islam Liberal, Pluralisme Ugama, Syiah dan sebagainya. Aliran pemikiran yang menyeleweng ini akan menimbulkan kecelaruan dan amalan negatif yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar seperti menentukan hukum menggunakan logik akal, mentafsirkan al-Qur'an tanpa merujuk ulama' muktabar dan sebagainya. Justeru, pemurnian akidah Mualaf dari salahfaham agama asal dan cabaran aliran pemikiran ini bukan sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan kefahaman pemikiran yang dikukuhkan dengan dalil-dalil naqliyyah dan 'aqliyyah sehingga mampu

menghilangkan sebarang keraguan (Syubhah). Dalil dan hujah tersebut perlu difahami dan diterima oleh akal secara logik dengan penuh kerelaan dan ketenangan yang mendorong mereka melakukan perubahan dalam kehidupan. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan membincangkan cabaran ancaman pemikiran kontemporari yang menyeleweng dari AWSJ dan pendekatan pemantapan akidah ASWJ yang sesuai kepada golongan Muallaf di Negara Brunei Darussalam.

Kata kunci: Mualaf; Pendidikan Akidah; Islam Liberal; Ahli Sunnah Wal Jemaah.

TA'RIF ZIKIR DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA MENURUT PANDANGAN SUFI

Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali
Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Abstrak

Kajian ini membincangkan ta'rif zikir menurut pandangan sufi. Kajian ini juga, menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan zikir seperti: hakikat zikir, medan zikir, jenis-jenis zikir, dan fadilat zikir dan pembahagian zikir kepada tiga iaitu: hizib, wirid dan ratib. Di samping itu, kajian ini menjelaskan kesan-kesan zikir menurut pola pemikiran sufi. Kajian ini menyimpulkan bahawa zikir adalah wasilah untuk taqarrub kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

TAREQAT SAMANIYAH DAN AMALAN RATIB SAMAN BRUNEI DARUSALAM: IMBASAN KEMBALI

Dr. Hajah Masuriyati binti Haji Yahya

Abstrak

Tareqat Tasawuf merupakan salah satu amalan kerohanian yang turut menyumbang dalam sejarah perkembangan tasawuf itu sendiri. Sejarah perkembangannya yang tidak hanya terbatas di dunia Arab malah merentasi beberapa negara Islam lainnya sehingga ke negara Nusantara. Kertas kerja ini cuba mengetengahkan kembali Tareqat Samaniyah sebagai salah satu tareqat tasawuf yang pernah diterima pakai di Brunei Darussalam sehingga berjaya membentuk masyarakat Islam Brunei sebagai masyarakat yang kuat beramal dan patuh pada ajaran agama Islam. Di samping itu, kertas kerja ini cuba mengetengahkan amalan zikir tareqat tasawuf yang dibincangkan yang mana amalannya satu ketika dulu tidak terbatas dalam acara keagamaan namun ianya juga diterima dalam adat dan budaya masyarakat sehingga akhirnya amalan zikir tareqat tasawuf ini menjadi salah satu wadah dan kewajaran dalam memartabatkan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir. Justeru, usaha mengetengahkan dan

mengimbang kembali penulisan ini, diharapkan dapat membantu pengkaji baru khususnya dalam bidang tasawuf akhlak.

Kata kunci: Amalan Kerohanian; Amalan Zikir; Negara Zikir; Samaniyah; Tareqat Tasawuf.

KAEDAH NYANYIAN DALAM PENDIDIKAN AQIDAH DI PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK

Dr. Zulkifli bin Haji Zakaria
Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Aqidah merupakan asas utama yang wajib diimani dan diyakini oleh setiap orang Islam. Pendidikan aqidah ditanamkan kepada anak-anak sejak lahir lagi dengan kalimah tauhid iaitu kalimah-kalimah azan yang didengarkan ditelinga mereka. Peringkat awal kanak-kanak adalah satu peringkat dari usia lahir sehingga berumur 8 tahun merujuk kepada National Association for the Education of Young Children (NAEYC). Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, pendidikan awal kanak-kanak itu bermula dari pra-sekolah seawal umur 5 tahun bagi sekolah-sekolah kerajaan dan seawal umur 3 ke 4 tahun bagi sekolah tadika swasta. Dalam pendidikan awal kanak-kanak, salah satu pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan oleh guru ialah kaedah nyanyian dalam pengajaran agama Islam khususnya mata pelajaran aqidah atau tauhid. Nyanyian merupakan satu manfestasi seni suara dalam Islam dan boleh diaplakisikan dalam pendidikan di peringkat awal kanak-kanak. Hasil kajian menggunakan kaedah kuantitatif melalui soal selidik kepada 32 orang masyarakat awam yang terdiri daripada ibu bapa dan belia yang bekerja sebagai guru ugama, guru akademik, penjawat awam termasuk yang telah bersara telah bersetuju bahawa kaedah nyanyian dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah sesuai, menarik, dapat mendidik, disukai kanak-kanak dan dapat diaplakisikan dalam pendidikan di rumah dengan nilai 97%. Sementara 84.4% ibu bapa bersetuju dan gemar dalam menggunakan kaedah nyanyian, 91% bersetuju bahawa kaedah nyanyian boleh membantu dalam pendidikan. Sementara 28% sahaja bersetuju bahawa kaedah nyanyian hanya boleh dilakukan oleh mereka yang boleh bernyanyi dan mempunyai suara yang merdu dan 47% tidak bersetuju dan 25% tidak pasti. Rumusan daptan kajian menunjukkan bahawa kaedah nyanyian adalah suatu kaedah yang sesuai, boleh mendidik dan menanamkan keimanan kanak-kanak kepada Allah dan rasul dan ajaran Islam amnya.

Kata kunci: Aqidah; Kaedah Menyanyi; Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR NON MUSLIM DI SEKOLAH MENENGAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Prof. Madya Dr. Misnan bin Jemali

Fakulti Pendidikan

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan dan kefahaman pelajar Non Muslim terhadap pembelajaran dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam (IRK), di sekolah menengah Negara Brunei Darussalam. Pelajar Non Muslim ini sudah mempelajari pengetahuan ugama Islam (IRK) di sekolah menengah selama 8 hingga 11 tahun. Kajian ini yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik dan soalan berstruktur untuk mengumpul data yang melibatkan seramai lima orang dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Konstruk kajian memfokuskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan dari aspek al-Quran, Hadis, Tauhid, Fiqh, Akhlak dan Sejarah Islam. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar Non Muslim adalah pada tahap sederhana, iaitu pengetahuan dan kefahaman dalam pembelajaran al-Quran (72.8%), Hadis (72.0%), Tauhid (74.0%), Fiqh (68.9%), Akhlak (79.0%) dan Sejarah Islam (75.0%). Dari aspek respon dan ulasan pelajar secara bertulis menyatakan bahawa mereka memahami al-Quran itu adalah rujukan utama dan penting bagi umat Islam. Namun Ugama Islam itu dilihat satu ugama yang susah difahami dan memerlukan banyak merujuk dan bertanya kepada ustaz atau ustazah. Mereka melihat bahawa belajar ugama Islam yang disampaikan seakan membenci ugama lain sebagai contoh orang yang bukan Islam masuk neraka. Ada responden juga menyatakan bahawa belajar ugama Islam dapat membuka hati untuk memeluk Islam. Dapatkan kajian ini memberikan implikasi kepada guru dari aspek pengajaran dan dakwah Islamiah di sekolah. Guru juga haruslah memikirkan bagaimana kaedah dan uslub pengajaran yang berkesan khasnya kepada pelajar-pelajar non muslim di sekolah-sekolah menengah. Institusi pengajian tinggi yang melatih guru ugama juga harus memikirkan pendekatan yang berkesan dalam melatih guru dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah, dalam usaha memantapkan pengetahuan dan kefahaman Islam khasnya dalam kalangan pelajar Non muslim di sekolah menengah selaras dengan matlamat dan objektif Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) di Negara Brunei Darussalam.

Kata kunci: Pelajar Non Muslim; Belajar Ugama; Tahap Sederhana; Kaedah, Implikasi.

KONSEP THAQAFAH DAN IMPLIMENTASINYA DALAM KERANGKA PENDIDIKAN MASYARAKAT ISLAM DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN MALEK BENNABI

Prof. Madya Dr. Muhamad Zahiri bin Awang Mat
Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Persoalan kerohanian, akhlak dan budaya dalam pembinaan ketamadunan merupakan perbincangan yang berterusan dalam kalangan tokoh akademik dan pemikir. Malek Bennabi adalah di antara pemikir Islam yang berkongsi ilmu dan pengalaman di dalam membentuk dan membina ketamadunan dalam kerangka dan acuan Islam. Malek Bennabi menekankan kepentingan thaqafah dan pendidikan bagi sesuatu bangsa. Kertas kerja ini bertujuan menganalisis pemikiran Malek Bennabi berkaitan dengan konsep thaqafah, ilmu, peranan akhlak dan agama dalam pembentukan masyarakat. Di samping itu, juga bertujuan memberi cadangan implimentasi pemikiran Malek Bennabi dalam bidang pendidikan dan kemasyarakatan masa kini.

SUMBANGAN TUAN GURU HAJI HAMZAH BIN MAMAT (1931-2017) DI DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nazirul Mubin bin Ahad
Pusat Ilmu Teras
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Tujuan kertas kerja ini adalah bagi menyingkap riwayat hidup seorang tokoh berjasa iaitu Tuan Guru Haji Hamzah bin Mamat (1931-2017), yang ketika hayatnya telah memberi sumbangan yang besar di dalam pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Fokus kajian tertumpu kepada periyawatan hidup; bermula daripada pendidikan awal sehingga ke peringkat tertinggi, dan kemudiannya ketika berada di dalam dunia perkhidmatan. Maklumat kajian telah diperolehi melalui sumber bacaan yang terhad, temubual yang dijalankan, serta beberapa catatan peribadi. Melihat kepada sumbangan beliau di dalam dunia pendidikan, beliau mempunyai pengalaman yang luas dan lama di dalam mendidik banyak masyarakat Brunei bermula daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat tertinggi. Di dalam mendidik masyarakat ini, beliau telah menjawat pelbagai amanah seperti menjawat sebagai guru besar dan guru ugama di sekolah-sekolah agama hampir-hampir di keempat-empat daerah, serta menjadi pensyarah khususnya di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Pengajian Islam. Beliau tekun berkhidmat di Brunei Darussalam sehingga kepulangan beliau ke tanah air beliau pada tahun 1997, iaitu genap 33 tahun berada di bumi Darussalam.

Sepanjang tempoh ini, beliau merupakan guru yang dihormati di dalam pelbagai bidang agama, khususnya di dalam bidang al-Qur'an. Diharapkan kajian ini akan menjadi kayu pengukur, dapat dilaraskan dan dikembangkan lagi di dalam sudut lain khususnya berkaitan sumbangan beliau, yang bukan hanya terhad di dalam dunia pendidikan, tetapi mencakupi pelbagai ruang lingkup.

Kata kunci: Al-Qur'an; Pendidikan Islam; Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

PENDEKATAN MUHAMMAD BASIUNI IMRAN TERHADAP PENYELESAIAN ISU AGAMA DI SAMBAS, KALIMANTAN BARAT

Norahida Mohamed, Dr. Mohamad Zaidin Mat@Mohamad & Amilrudin Ishak
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah & Universiti Sultan Zainal Abidin

Abstrak

Kesultanan Sambas (1630-1943) yang terletak di Kalimantan Barat pernah mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Muhammad Safiuddin II (1866-1922). Antara faktor yang mendorong kecemerlangan ini adalah peranan yang dimainkan oleh Muhammad Basiuni Imran yang dilantik sebagai Maharaja Imam bagi kesultanan tersebut. Sebagai Maharaja Imam, beliau bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal agama di Sambas termasuklah menyelesaikan permasalahan agama yang muncul ketika itu. Antara isu agama yang menjadi perdebatan masyarakat di Sambas adalah berkaitan isu solat Jumaat yang didirikan kurang daripada 40 orang serta isu talkin. Justeru, artikel ini akan mengenal pasti latar belakang kehidupan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran secara ringkas serta pendekatan beliau dalam menangani permasalahan tersebut. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan reka bentuk kajian sejarah. Data kajian diperoleh melalui dokumen bertulis serta temu bual. Hasil kajian menunjukkan Muhammad Basiuni Imran telah berjaya menyelesaikan isu agama melalui pendekatan islah yang menekankan konsep wasatiyah. Pendekatan tersebut ternyata telah memberikan implikasi yang positif terhadap keutuhan perpaduan masyarakat Sambas. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam mempekayakan lagi bahabahan berkaitan tokoh islah di alam Melayu dan yang dapat membantu penerokaan yang lebih lanjut tentang pemikiran islah Muhammad Basiuni Imran.

Kata kunci: Muhammad Basiuni Imran; Islah; Permasalahan Agama; Wasatiyah.

DOKTRIN DAN TEKHNIK SPIRITUAL NAQSYABANDI HAQQANI

Dr. Gazali
Institut Agama Islam Negeri Bukittinggi

Abstrak

Perubahan dalam rangka kesinambungan merupakan syarat penting dalam bertahannya satu ajaran dalam dunia modern. Hal ini juga tidak dapat dihindarkan oleh Tarekat Naqsyabandi Haqqani. Beberapa perobahan dilakukan dalam rangka supaya Naqsyabandi sebagai sebuah institusi sufisme dapat eksis di tengah-tengah masyarakat modern yang mengalami transformasi budaya, sosial, politik dan ekonomi. Akan tetapi untuk menjaga otentitas dan originalitas institusi, Naqsyabandi Haqqani sama sekali tidak melakukan perubahan dalam doktrin yang telah disempurnakan oleh pendiri tarekat Naqsyabandi. Sejauh mana transformasi yang dilakukan oleh Naqsyabandi akan diuraikan lebih lanjut pada pembahasan berikut ini.

PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI KANAQ KAMPUNG MAWAI, SUNGAI SELANGI, KOTA TINGGI, JOHOR

Dr. Che Adenan bin Mohammad, Dr. Ahmad Sharifuddin bin Mustapha, Dr. Mohd Hisyam bin Abdul Rahim, Abdullah bin Sulaiman, Shakila binti Ahmad, Sharifah Khadijah binti Syed Abu Bakar, Dr. Halimi binti Mohd Khalid & Abd Shakor bin Borham
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstrak

Orang Asli Kanaq merupakan salah satu etnik daripada 18 kumpulan etnik orang asli yang masih wujud di negara ini dan diklasifikasikan dalam kumpulan Melayu-Proto yang membentuk tiga kumpulan utama orang asli. Ia adalah populasi orang asli paling kecil di dunia yang terdapat di negara ini dengan anggaran 90 orang. Masyarakat Orang Asli ini tinggal di Kampung Mawai, Sungai Selangi, Kota Tinggi, Johor di mana mereka semua beragama Islam. Kajian ini akan meneliti dari aspek pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan masyarakat Orang Asli Kanaq berdasarkan kepada cara kehidupan sehari-hari dan amalan-amalan fardhu ain seperti kebersihan (taharah), solat, puasa dan kemahiran membaca al-Quran. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik analisis dokumentasi bagi mendapatkan informasi tentang kehidupan mereka dan amalan-amalan fardhu ain dalam masyarakat tersebut. Selain itu, kajian ini juga akan mengadakan kajian lapangan melalui temu bual dan pemerhatian bagi mendapatkan data yang berkaitan. Hasil kajian mendapati dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka sentiasa berpegang dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah selepas pengislaman yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1980. Pada

umumnya, kajian juga mendapati bahawa tahap kefahaman dan kemahiran mereka dalam amalan-amalan fardhu ain masih lagi pada tahap yang sangat sederhana dan perlu dipertingkatkan lagi bagi mengukuhkan pegangan agama dalam kalangan masyarakat tersebut. Kajian ini diakhiri dengan beberapa cadangan bagi meningkatkan lagi tahap kefahaman akidah yang sahih dan amalan-amalan fardhu ain supaya mereka dapat menjalani kehidupan sehari-hari berasaskan kepada kefahaman akidah yang sebenar dan dapat melaksanakan amalan-amalan fardhu ain dengan sempurna.

Kata kunci: Orang Asli Kanaq; Pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; Amalan Fardhu Ain.

SISTEMATIKA DAKWAH DALAM ALIRAN ASWAJA DAN SYIAH: KAJIAN TEKS-TEKS HADITS TEMATIK DAN KESAHIHANNYA

Dr. Mohammad Fattah

Fakultas Dakwah

*Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien (IDIA) Prenduan, Sumenep Madura, Jawa Timur,
Indonesia*

Abstrak

Hadits merupakan dalil kedua setelah al-Quran yang digunakan oleh umat Islam dalam melaksanakan ibadah sehari-hari. Para ulama Sunni menjadikan al-Kutub al-Sittah sebagai kitab hadits yang dijadikan panduan dan rujukan setelah al-Quran. Justru, kedudukan hadits-hadits yang terdapat dalam kitab-kitab tersebut dapat dibagikan kepada tiga pembagian hadits yang utama yaitu hadits sahih, hasan dan da'if. Sedangkan Ulama Syiah menjadikan kitab Usul al-Kafi karangan al-Kulayni yang dianggap memiliki taraf yang sama dengan al-Kutub al-Sittah, namun kedudukan kitab Sahih al-Bukhari sebagai kitab yang terunggul dari enam kitab yang ada akan menjadi barometer untuk perbandingan dua kitab berkenaan. Kajian ini ingin memastikan bahwa sebuah hadits yang terdapat dalam kitab-kitab tersebut diaplikasikan dan diamalkan di kalangan Sunni dan Syiah dengan perbedaan yang menonjol terutama dalam kalangan ASWAJA yang murni bersumber dari Baginda Rasulullah SAW. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis bahan-bahan kajian. Kitab utama yang digunakan ialah al-Kutub al-Sittah dan Usul al-Kafi karangan al-Kulayni. Pengumpulan data dilakukan melalui pengelompokan beberapa unsur yang dipastikan sebagai hadits masyhur di kalangan umat Islam dan keasliannya yang berpaksi kepada sabda Rasulullah SAW. Hasil kajian ini mendapati bahwa hadits-hadits dalam al-Kutub al-Sittah meliputi hadits Marfu' yang disandarkan kepada Rasulullah SAW, atau hadits Mauquf yang disandarkan kepada para sahabat dan hadits Maqtu' yang disandarkan kepada para tabi'in. Sedangkan kitab Usul al-Kafi pula banyak meliputi hadits Mauquf yang disandarkan hanya kepada Sayyidina Ali bin Abi Talib, Ja'far al-Sadiq bin Ali.. Oleh karena itu, teks-teks hadits yang terdapat dalam kitab Usul al-Kafi lebih sesuai dikategorikan sebagai Athar karena diucapkan dan dikatakan oleh selain Rasulullah SAW. Dari aspek inilah bahwa hadits-hadits yang terdapat di dalam kitab Ushul al-Kafi

perlu mendapat perhatian dan kajian yang lebih mendalam terutama mengenai kesahihannya sehingga tidak mudah tersebar di kalangan ASWAJA.

Kata kunci: Sistematika; Hadits; al-Kutub al-Sittah; Sunni; Syiah.

PENGARUH JAUHARAH ATTAUHID TERHADAP FARIDATUL FARAIID FIL ILMI AL AQAIID KARANGAN SYEKH WAN AHMAD AL-FATANI DALAM PERBAHASAN SIFAT KETUHANAN MENGIKUT MAZHAB AHLIS SUNNAH WAL JAMAAH

Ahmad Kasor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Abstrak

Ilmu usuluddin merupakan satu ilmu yang wajib atas individu muslim yang mukallaf mempelajarinya. Dengan sebab itu ilmu dapat mengenal Allah SWT (Ma'rifatullah). Muncul ini ilmu dengan secara berbentuk karya iaitu setelah wafat baginda Rasulullah SAW pada akhir abad ketiga alhijriyah atas tangan Abi Alhasan Al-asyari (330H) dan Abi Mansur Almaturidi (333H). yang mana Imam Tajuddin Assubki mengatakan kedua-dua itu adalah dua imam ahlissunnah wal jama ah. Setelah kedua meninggal dunia maka dibantu oleh ulama kebelakangannya seperti Abi Bakr Albakillani (403H), Imam Alharamain Aljuwaini (473H), Imam Alghazali (505H), Imam Fakhruddin Arrazi (606H), Imam Baidhawi (675H), Imam Attaftazani (791H), Imam Assanusi (895H), hingga sampai zaman Ibrahim Laqani (1041H). baginya kitab tauhid yang berjudul Jauharatuttahid. Yang mana ini kitab terpengaruh terhadap kitab faridatul fara-id fil ilmi al-aqa-id karya Wan Ahmad Al-fatani. Kitab faridatul fara-id kitab yang masyhur di kalangan masyarakat melayu. dengan karya Wan Ahmad ini salah satu sebab menyibarkan masalah ilmu Usuluddin dalam mazhab ahlissunnah wal jama-ah dalam masyarakat melayu hingga sekarang.

IMPLEMENTASI PRINSIP-PRINSIP ASWAJA DI SEKOLAH MULTIAGAMA (STUDI KASUS DI SEKOLAH MENENGAH ATAS SELAMAT PAGI INDONESIA)

Muhammad Sulistiono
Fakultas Agama Islam
Universitas Islam Malang

Abstrak

Artikel ini membahas tentang penerapan prinsip-prinsip ASWAJA di sekolah multiagama. Sekolah yang dimaksud adalah sekolah menengah atas selamat pagi Indonesia yang kemudian disingkat SMA SPI. Dalam beberapa hal terkait dengan perbezaan agama biasa menjadi pemicu konflik, baik konflik dalam lingkup yang kecil maupun lingkup yang besar. SMA SPI hadir menawarkan pola untuk meredam konflik yang dipicu kerana

